

07/10/1997

PM dapat sokongan tangani krisis ringgit

Hatipah Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Beberapa pertubuhan hari ini menyatakan sokongan kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha menangani krisis mata wang negara sekarang, yang dianggap hanya bersifat sementara.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata parti itu memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri dan meminta rakyat bersatu serta tidak terpengaruh dengan pelbagai tohmahan liar media asing, kebelakangan ini.

"Rakyat perlu menilai kembali kesejahteraan negara di bawah kepimpinannya hingga berjaya mencatatkan pertumbuhan tidak kurang lapan peratus bagi tempoh sembilan tahun berturut-turut.

"Media asing hanya mahu memburuk-burukkan nama beliau dan mempunyai niat tidak baik terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang sehingga kini sudah berjaya menangani pelbagai masalah termasuk kemelesetan ekonomi pada 1984," katanya selepas merasmikan Persidangan Getah Antarabangsa yang diadakan selama tiga hari mulai hari ini. Semalam, MCA dan MIC turut menyatakan sokongan tidak berbelah bagi terhadap kerajaan pimpinan Dr Mahathir dalam menangani krisis mata wang itu.

Di KOTA BHARU, Kerajaan Kelantan pimpinan Pas menegaskan, Dr Mahathir tidak perlu meletakkan jawatan ekoran krisis nilai mata wang yang melanda negara sekarang.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Husam Musa, berkata kemelut ekonomi yang melanda negara tidak boleh diatasi dengan seorang Perdana Menteri meletakkan jawatan.

Menurutnya, krisis yang dihadapi negara sekarang perlu ditangani bersama oleh semua pihak dan memerlukan tindakan drastik bagi mengelakkan ia menjejaskan kepentingan rakyat.

"Perdana Menteri tidak usah melayan sebarang saranan dan desakan supaya meletakkan jawatan berikutan isu ini, kerana tindakan itu tidak dapat menyelesaikan masalah," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini, hari ini.

Sementara itu, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia hari ini berikrar menyatakan sokongan padu terhadap kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis mata wang negara.

Naib Presidennya, Datuk V K K Teagarajan, berkata semua anggota dewan itu berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam menghadapi sebarang tekanan daripada media asing yang mahukannya meletakkan jawatan berikutan krisis mata wang negara.

Menurutnya, semua anggota dewan itu mempunyai keyakinan tidak berbelah bagi dengan kredibiliti Dr Mahathir dalam menangani kemelut kewangan itu lantaran kewibawaannya sebagai pemimpin terulung negara.

"Dewan ini akan sentiasa bersama-sama mendokong sebarang usaha Dr Mahathir untuk mengatasi keadaan gawat ini," katanya selepas majlis angkat sumpah sebagai senator bagi kali kedua di Parlimen, di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, dewan berkenaan turut menyelar tindakan media asing yang meminta Perdana Menteri meletakkan jawatan berikutan krisis mata wang yang melanda negara.

Bagaimanapun, Teagarajan yakin krisis mata wang negara akan kembali pulih dalam tempoh dua tiga bulan akan datang.

Menurutnya, kemelut ringgit itu hanya bersifat sementara sebelum dijangka berakhir tidak lama lagi berdasarkan lebihan pendapatan negara yang semakin meningkat.

"Jika dua atau tiga bulan sebelum ini, kita mengalami defisit, tetapi peningkatan pendapatan kepada RM1.2 bilion pada bulan lalu menjadi petanda baik ke arah keadaan yang lebih normal," katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Senator Rosli Mat Hassan turut menyatakan sokongan padu persatuan itu terhadap Perdana Menteri.

Beliau menganggap tekanan media asing itu sebagai 'faktor luaran' yang tidak perlu diambil berat kerana alasan dikemukakan kurang wajar dan tidak berasas.

Menurutnya, kewibawaan Dr Mahathir dalam menangani kegawatan ekonomi negara terbukti apabila beliau berupaya memulihkan kembali kemelesetan yang berlaku pada pertengahan 1980-an.

"Malah, negara kita juga sudah berubah daripada mengamalkan pendapatan berasaskan pertanian kepada pengeluaran dengan jumlah eksport kini melebihi 80 peratus," katanya.

Pengerusi Eksekutif Aseania International Limited, Datuk Musa Sheikh Fadzir menegaskan yakin Dr Mahathir boleh menyelesaikan krisis kewangan sekarang kerana Perdana Menteri mempunyai rekod yang cemerlang dalam pengembangan ekonomi negara.

"Dengan kekuatan dan kehebatan Dr Mahathir, ramai usahawan Malaysia berjaya melabur di luar negara termasuk kami yang membuat pelaburan RM600 juta di Turki Jun lalu," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Bukit Mertajam berkata, rakyat perlu memberi kepercayaan serta mengetepikan khabar angin atau desakan pihak tertentu untuk mendesak Perdana Menteri meletakkan jawatan.

(END)